

08/10/2002

Media antarabangsa perlu lebih adil: Abdullah

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff; Nur Lina Rasol; Zainab Mohd Yatim
KUALA LUMPUR, Isnin - Media antarabangsa perlu bersikap adil dan menghormati sensitiviti negara lain, khususnya negara membangun, apabila membuat sesuatu laporan, kata Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Abdullah berkata, media antarabangsa sering membuat laporan salah mengenai negara membangun atau bersikap berat sebelah dalam melaporkan sesuatu isu tanpa menghiraukan perasaan rakyat negara itu.

Malah, katanya, ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York sejak 17 tahun lalu, tidak langsung diberi liputan oleh akhbar Amerika Syarikat seperti The New York Times.

"Kami tidak minta dipuji, cuma kami minta mereka menghormati sensitiviti kami," katanya pada sesi perbincangan bertajuk "Media Dan Akauntabiliti Awam" pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur.

Anggota panel lain ialah Timbalan Setiausaha Bagi Hal Ehwat Politik Kepada Perdana Menteri Thailand, Suranand Vejjajiva; Pengasas dan Ketua Pengarang Indonesian Business, Wimar Witoelar serta Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif China Online Inc, Lyric Hughes.

Abdullah berkata, ketidakadilan media antarabangsa, khususnya media Amerika, jelas diperlihatkan dalam laporan mereka mengenai isu Asia Barat serta hal berkaitan Islam, khususnya selepas peristiwa 11 September.

Katanya, media antarabangsa sengaja memperbesarkan isu pematuhan Iraq terhadap resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sedangkan isu keengganan Israel mematuhi resolusi majlis berkenaan langsung tidak dilaporkan sejak dulu lagi.

"Mereka juga sengaja melaporkan kenyataan bahawa Nabi Muhammad adalah seorang penganas, sedangkan orang bodoh pun tahu kenyataan itu adalah pembohongan semata-mata," katanya merujuk kenyataan paderi Kristian Amerika, Jerry Falwel, yang menghina Rasulullah dan disiarkan rangkaian televisyen CBS dan CNN.

Beliau berkata, media antarabangsa, khususnya Amerika, mengutamakan kehendak pemiliknya daripada melaporkan sesuatu perkara itu mengikut kebenarannya.

Sebagai contoh, katanya, ada media antarabangsa sengaja memutarbelitkan isu penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin untuk melagakan Malaysia dengan Indonesia dan Filipina.

"Bagi mereka lebih banyak laporan mengarut, lebih baik," katanya.

Mengenai kebebasan media yang dilihat sebagai sesuatu yang paling utama dan perlu dianuti negara membangun, Abdullah berkata, apa yang lebih penting ialah tanggungjawab sesuatu pertubuhan media itu.

"Di Malaysia media mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat. Kepentingan masyarakat adalah lebih utama daripada kepentingan individu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata, peranan utama media di Malaysia ialah menyampaikan pandangan rakyat kepada kerajaan dan menjadi saluran perhubungan antara keduanya.

Katanya, media wujud untuk menyatakan realiti masyarakat dan negara serta menjunjung aspirasi kebangsaan selain memantau apa yang diperkatakan dan diperlakukan sama ada yang menyokong atau menentang aspirasi itu.

"Kami wujud bukan untuk mengubah dunia walaupun dunia berubah dengan apa yang kami lakukan dan sama ada kami lakukan dengan baik atau sebaliknya,"

katanya.

Suranand, ketika menyampaikan pandangannya, turut menyatakan kekecewaan berhubung ketidakadilan media antarabangsa terhadap negara membangun.

Merujuk pengalaman Thailand, beliau berkata, media antarabangsa jelas memberi laporan berat sebelah dan membezakan di antara negara mengikut kepentingan mereka.

"Laporan CNN umpamanya sering membidas Thailand tetapi tidak pula Taiwan kerana mereka mempunyai kepentingan di negara itu," katanya.